

Publication	Sinar Harian	Section/Page No.	Klang/Pg.S21
Date	Saturday, 23 rd October 2010	Lead Article	Yes
Headline	Tertekan Operasi Bengkel		

Tertekan operasi bengkel

Kawasan setempat kotor, longkang tersumbat akibat minyak

KLANG - Tindakan pemilik bengkel kenderaan yang menjadikan kediaman mereka sebagai tempat membaiki dan mengecat merupakan masalah yang sudah lama menjadi isu kepada penduduk khususnya di kawasan ini.

Akibat situasi itu, penduduk terdedah dengan beberapa risiko termasuk kesihatan kerana terpaksa menghidu bau cat yang agak berbahaya.

Zahari Ahmad, 47, berkata, tindakan pemilik bengkel itu juga menyebabkan kawasan setempat menjadi kotor dan mengakibatkan dia dan penduduk lain berasa tidak selesa dengan apa yang berlaku.

Selain itu menurutnya, longkang di kawasan setempat juga tersumbat akibat minyak dari bengkel yang mem-

baiki kenderaan.

"Perkara ini perlu diberi perhatian kerana ia melibatkan ketenteraman dan kesejahteraan penduduk berhampiran.

"Malah kami juga terdedah dengan bunyi bising setiap kali mereka membaiki kenderaan dan bau yang kurang menyenangkan apabila mengecat kenderaan," katanya.

Zahari berkata, tindakan pemilik bengkel berkenaan jelas tidak mementingkan kepentingan awam kerana ia menyebabkan masyarakat setempat tertekan dengan apa yang berlaku.

Menurutnya, satu tindakan bersepadu perlu diambil kerana ia bakal mengundang masalah yang lebih besar jika ditangani segera.



■ Kedudukan bengkel yang berhampiran dengan rumah penduduk juga menyebabkan pelbagai gangguan kepada mereka.